

MELOMET CREAM

Mometasone Furoate (1mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Melomet Cream
2. Bagaimana Melomet Cream berfungsi
3. Sebelum mengambil Melomet Cream
4. Cara menggunakan Melomet Cream
5. Semasa menggunakan Melomet Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Melomet Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Melomet Cream

Melomet Cream digunakan untuk melegakan keradangan dan gatal-gatal daripada penyakit kulit yang berkesan dengan penggunaan kortikosteroid.

Bagaimana Melomet Cream berfungsi

Mometasone furoate, sejenis kortikosteroid sintetik, menunjukkan ciri-ciri anti-radang, anti-kegatalan dan penyempitan saluran darah. Ia mengawal pengeluaran perantara kuat yang menyebabkan keradangan.

Sebelum menggunakan Melomet Cream

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan jika diketahui hipersensitif terhadap mana-mana komponen.

-Sebelum menggunakan Melomet Cream

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi untuk maklumat lanjut.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Tiada maklumat yang berkaitan telah dilaporkan.

Cara menggunakan Melomet Cream

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa (termasuk warga emas) dan kanak-kanak:

Sapukan lapisan nipis atas kawasan kulit yang terjejas.

-Bila perlu digunakan

Sapukan sekali sehari. Melomet Cream boleh digunakan oleh kanak-kanak berumur 2 tahun atau lebih tua.

-Berapa lama perlu digunakan

Gunakan sehingga luka sembuh, atau sehingga 3 minggu, kesan yang mana lebih awal atau rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlepas satu dos Melomet Cream, ambil secepat mungkin. Jika ia menghampiri masa untuk dos seterusnya, abaikan dos tertinggal dan kembali kepada jadual pengambilan dos biasa anda. Jangan menggandakan dos.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Penggunaan topikal yang berlebihan pada jangka masa panjang boleh menyekat fungsi kelenjar adrenal menyebabkan kekurangan hormon sekunder.

Semasa menggunakan Melomet Cream

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika kerengsaan atau sensitisasi muncul dengan penggunaan Melomet Cream, rawatan perlu dihentikan dan terapi yang sesuai dimulakan.

Jika jangkitan berlaku, penggunaan agen antikulat atau antibakteria yang sesuai patut dimulakan. Jika respons positif tidak berlaku segera, kortikosteroid perlu dihentikan sehingga jangkitan itu dapat dikawal sepenuhnya.

Jangan gunakan Melomet Cream pada permukaan yang besar atau menggunakan teknik oklusif. Ia akan meningkatkan penyerapan sistemik kortikosteroid topikal.

Penggunaan kortikosteroid topikal pada kanak-kanak harus dihadkan kepada jumlah yang paling kurang dengan regimen terapeutik yang berkesan dan langkah berhati-hati yang sesuai perlu diambil perhatian. Kanak-kanak mempunyai nisbah luas permukaan kulit kepada berat badan yang luas berbanding dengan orang dewasa. Terapi kortikosteroid kronik boleh mengganggu pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ketoksikan setempat dan sistematik adalah biasa terutamanya berikutan penggunaan berterusan di kawasan-kawasan kulit yang terjejas yang luas. Terapi jangka panjang yang berterusan harus dielakkan pada semua orang tanpa mengira umur.

Melomet Cream bukan untuk kegunaan pada mata.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat dalam kumpulan kortikosteroid tidak boleh digunakan secara penggunaan yang banyak atau untuk masa yang lama oleh wanita mengandung.

Ia harus digunakan semasa hamil hanya jika potensi faedah mewajarkan potensi risiko kepada janin.

Langkah waspada perlu diambil apabila ia diberikan kepada seorang ibu menyusukan kerana adalah tidak diketahui sama ada penggunaan topikal kortikosteroid boleh menghasilkan kuantiti yang dikesan dalam susu ibu.

Kesan-kesan sampingan

Reaksi advers tempatan sangat jarang dilaporkan termasuk kebas, gatal-gatal dan tanda-tanda penipisan kulit. Penggunaan balutan oklusif menyebabkan reaksi advers tempatan yang tidak kerap termasuk kerengsaan, kekeringan, keradangan folikel rambut, pertumbuhan rambut yang berlebihan, letusan jerawat, pencerahan kulit, ruam kecil sekitar kawasan mulut, jangkitan sekunder, tanda keregangan dan ruam panas.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel.: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers→Reporting).

Cara penyimpanan dan pelupusan Melomet Cream

-Penyimpanan

Simpan di dalam bekas kedap udara. Simpan di bawah suhu 30°C dan elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

-Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda memberitahu untuk berhenti menggunakan Melomet Cream atau ubat ini telah luput tarikh, sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi tentang cara pengendalian ubat yang tertinggal.

Maklumat lanjut

-Rupa bentuk dan warna

Krim berwarna putih.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:

Mometasone Furoate

-Bahan tidak aktif:

Propylene Glycol

Stearic Acid

Ceteareth-6

Cetearyl Alcohol

Stearyl Alcohol

Sodium Lauryl Sulphate

White Petrolatum
Potassium Phosphate Monobasic
Titanium Dioxide
Mineral Oil
Phosphoric Acid
Methyl paraben
Propyl paraben

-Nombor MAL

MAL07122846AZ

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3, 5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan
Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000
Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3, 5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan
Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000
Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

18/3/2016

Nombor Siri

BPFK(R4/1)180316/00080